

08/05/2001

Malaysia tidak iktiraf Republik Bangsamoro

KUALA LUMPUR, Isnin - Malaysia tidak akan menyokong deklarasi kemerdekaan Republik Bangsamoro di Mindanao yang diisytiharkan pemimpin Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF), Nur Misuari.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, Malaysia mengiktiraf integriti dan kedaulatan Filipina serta tidak akan menyokong apa juga deklarasi kemerdekaan yang diisytiharkan mana-mana kumpulan pemisah di rantau ini selaras dasar tidak campur tangan dalam hal ehwal negara jiran.

"Kita masih berpegang teguh kepada dasar tidak campur tangan. Soal dia (Moro) mempunyai pertelingkahan dengan Kerajaan Filipina, bukanlah sesuatu yang boleh kita campur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri majlis sambutan Hari Ibu anjuran Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Kebangsaan di Wisma Belia di sini, hari ini.

Syed Hamid berkata demikian sebagai mengulas perisytiharan Misuari mengenai wilayah kepulauan Mindanao menjadi Republik Bangsamoro, dengan beliau sendiri sebagai 'Presiden' pertama.

Minggu lalu, Misuari merasmikan Kongres Kebangsaan Rakyat Bangsamoro keempat di kawasan pergunungan bandar raya Zamboanga dan mengisytiharkan kemerdekaan itu.

Syed Hamid berkata, Malaysia berharap pertelingkahan antara MNLF dengan Kerajaan Filipina dapat diselesaikan melalui rundingan damai demi kepentingan negara berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Syed Hamid berkata, Wisma Putra akan mengadakan Persidangan Ketua-Ketua Perwakilan Malaysia di Luar Negara mengikut rantau pada setiap tahun, berbanding dua hingga empat tahun sebelum ini.

Beliau berkata, kekerapan ini bertujuan menyalurkan sumber dan maklumat terkini mengenai perkembangan negara kepada wakil Malaysia di luar.

"Sebenarnya, perkara ini diutarakan ketika persidangan ketua perwakilan yang diadakan di sini sekarang (4 hingga 8 Mei). Formatnya belum ditentukan, tetapi kita bercadang untuk mengadakannya setiap tahun mengikut rantau.

"Sebagai contoh, terdapat tujuh wakil kita di Amerika Latin, jadi kita boleh adakan persidangan itu di rantau berkenaan," katanya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang merasmikan persidangan itu Jumaat lalu, mengadakan dialog tertutup dengan 86 duta, pesuruhjaya tinggi, konsulat dan kuasausaha Malaysia di lebih 80 negara, termasuk wakil tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

(END)